

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 25 MEI 2016

SOALAN :

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sama ada beliau tahu menahu tentang pemindahan berjuta-juta dan berbilion-bilion ringgit ke dalam akaun peribadinya dan sama ada beliau sedar bahawa pemindahan wang sebegitu besar perlu dimaklumkan kepada Bank Negara Malaysia untuk memastikan tidak terdapat unsur pengubahan wang haram, penyelewengan dan rasuah; dan
- (b) sama ada beliau mempunyai dokumen sokongan untuk menunjukkan semua pergerakan wang tersebut adalah sah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini tidak dapat dijawab pada masa ini kerana perkara ini dalam timbangan Mahkamah (sub judice) selaras dengan Nota Tuan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat bertarikh Khamis, 31 Mac 2016.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
TARIKH : 25.5.2016
SOALAN : 48

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan bagi menyediakan satu kajian dibuat berkenaan keperluan untuk mewujudkan sebuah kolej komuniti di Kinabatangan memandangkan terdapatnya keperluan dan permintaan. Tapak bagi tujuan pembinaan kolej komuniti ini adalah tersedia. Ini adalah selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan bagi "1 Kolej Komuniti, 1 Parlimen".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Universiti Awam (UA) mahupun cawangannya dirancang dan dilaksanakan setelah mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan. Setakat ini, pihak Kementerian belum bercadang untuk menubuhkan Kolej Komuniti di Parlimen Kinabatangan, Sabah. Fokus buat masa ini adalah untuk memperkasakan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti sedia ada.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 September 2004 bersetuju bahawa kolej-kolej komuniti dibangunkan berdasarkan kepada keperluan

di sesebuah kawasan dan bukannya di setiap daerah atau Parlimen memandangkan terdapat kawasan yang mempunyai kepadatan rendah.

Walaupun bagaimanapun, penubuhan sebuah Kolej Komuniti di Parlimen Kinabatangan telah diambil maklum dan penubuhan tersebut adalah berdasarkan kepada keupayaan kewangan semasa kerajaan. Setakat ini, terdapat sebuah UA, 2 buah Politeknik dan 9 buah Kolej Komuniti di negeri Sabah bagi menampung keperluan pendidikan tinggi.